

10/03/2001

Sultan berkorban untuk kepentingan negara

Minarni Mat Saad

SATU daripada peristiwa yang amat bersejarah terjadi pada masa pemerintahan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah ialah penyerahan kawasan Kuala Lumpur yang selama ini menjadi sebahagian daripada kedaulatan Kerajaan Selangor kepada Kerajaan Persekutuan.

Sejak wujudnya Selangor sebagai sebuah entiti politik pada abad ke-18, Kuala Lumpur adalah kawasan dan daerah takluknya.

Kuala Lumpur menjadi pusat pentadbiran sejak abad ke-19 lagi. Pada 1 Julai 1896, ia menjadi pusat pentadbiran bagi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (Selangor, Perak, Pahang dan Negeri Sembilan).

Kuala Lumpur juga menjadi markas pentadbiran jabatan penting bagi keempat-empat negeri berkenaan. Maka dengan sendirinya pembangunan pesat dari segi fizikal dan organisasi pentadbiran secara Barat yang ada di Semenanjung Tanah Melayu ketika itu terjadi di Kuala Lumpur.

Selepas 1948, 1957 dan 1963, Kuala Lumpur terus menjadi pusat pentadbiran bagi kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, Tanah Melayu yang merdeka dan Malaysia.

Oleh itu, untuk mewujudkan identiti dan kedaulatan kawasannya secara tersendiri di mana Kerajaan Pusat adalah bebas daripada kedaulatan sesebuah negeri tertentu di Malaysia, Kuala Lumpur memang wajar dan dapat memenuhi kehendak serta cita-cita tadi.

Mulai penghujung 1972, cita-cita ini diura-ura dan diikhtiarkan untuk direalisasikan oleh Perdana Menteri Malaysia ketika itu, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein.

Siri rundingan secara rasmi mengenainya mula diadakan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor yang diwakili pemerintah dan pegawai tertinggi kerajaan masing-masing.

Sesungguhnya, bukan suatu perkara dan isu yang mudah proses perpindahan serta penyerahan kawasan Kuala Lumpur kepada Kerajaan Pusat ini boleh dan dapat dilakukan. Ia membabitkan kedaulatan suatu kawasan yang amat penting, yang selama ini menjadi sebahagian daripada kawasan jajahan dan takluk Kerajaan Selangor, mempunyai penduduk paling ramai.

Kuala Lumpur mempunyai kepentingan dan keperluan sejarah, kepesatan pembangunan, ekonomi serta politik yang bukan kecil kepada Selangor sendiri; juga hak fizikal dan kedaulatan yang dimiliki Sultan Selangor di kawasan itu.

Perbincangan demi perbincangan diadakan. Warkah demi warkah saling bertukar. Akhirnya persetujuan dicapai antara kedua pihak di mana Sultan Selangor sedia bertolak ansur dan meneliti draf perjanjian yang bakal dikemukakan Perdana Menteri.

Pada 14 Januari 1974, Abdul Razak mengemukakan sepucuk warkah mengandungi draf terakhir "Perjanjian Kuala Lumpur 1974" kepada Sultan Selangor.

Tarikh 1 Februari 1974 adalah detik yang dinantikan untuk menyaksikan perpisahan antara Selangor dan Kuala Lumpur. Tarikh itu ditetapkan sebagai tarikh rasmi perjanjian berkenaan akan ditandatangani Yang di Pertuan Agong bagi pihak Kerajaan Pusat dan Sultan Selangor bagi pihak kerajaan negeri dengan disaksikan oleh Raja-raja dan Tuan Yang Terutama Gabenor yang turut menandatangani perjanjian berkenaan.

Sesungguhnya persetujuan Sultan Selangor menandatangani Perjanjian 1974, bukanlah satu perkara kecil terjadi dalam sejarah negeri Selangor di negara ini. Barang kali tidak ada satu pengorbanan dan kerelaan yang lebih

besar daripada pengorbanan mengenai persetujuan dan kesediaan Baginda melepas dan menyerahkan kedaulatan ke atas Kuala Lumpur.

Semua itu dilakukan demi menunjukkan rasa tanggungjawab serta kecintaan Baginda terhadap keperluan dan kepentingan negara. Baginda juga mahu mewujudkan perasaan saling mengerti dan silaturahim dengan pucuk kepimpinan negara serta kerjasama yang bukan kecil ertinya di antara dua kerajaan.

Bagi Sultan Salahuddin, kepentingan negara mengatasi segala-galanya. Selain daripada persetujuan mengekalkan buat sementara bangunan, premis dan pusat pentadbiran beberapa buah jabatan kerajaan negeri yang penting yang berada di Kuala Lumpur, perjanjian penyerahan ini juga mempunyai implikasi kewangan.

Kewangan ini membabitkan wang pampasan yang ditentukan dan dikehendaki dibayar oleh Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Selangor kerana penyerahan Kuala Lumpur itu dan penubuhan Wilayah Persekutuan.

Ketika istiadat menandatangani perjanjian itu, Sultan Selangor bertitah bahawa Baginda menganggap kemajuan yang bakal dicapai Kuala Lumpur kelak akan menjadi simbol kemajuan seluruh Malaysia.

Di atas kesedaran itulah, Baginda sanggup dan rela berkorban untuk kepentingan rakyat dan negara walhal Kuala Lumpur adalah kawasan paling maju dan dianggap termakmur di Malaysia.

Sempena mengingati pemisahan kawasan ini sebuah pintu gerbang besar dan tersergam indah dibina di Lebuhraya Persekutuan yang memisahkan Kuala Lumpur dan Selangor dinamakan Kota Darul Ehsan. Kota yang menjadi lambang dan kemakmuran Selangor ini dibina atas idea dan cadangan Sultan Selangor. Kota berkenaan dirasmikan oleh Sultan Salahuddin pada 1984 dan sehingga kini ia berdiri dengan megah seperti mengalu-alukan pengunjung yang pergi dan datang antara Selangor-Wilayah Persekutuan.

Peristiwa penyerahan jajahan takluk Selangor kepada Kerajaan Persekutuan tidak berakhir di situ. Pengorbanan kerajaan Selangor berulang selepas 27 tahun kemudian apabila Putrajaya pula diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan untuk diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan ketiga selepas Kuala Lumpur dan Labuan.

Peristiwa itu dianggap amat bersejarah dan sungguh bermakna kerana majlis menandatangani penyerahan disempurnakan oleh Sultan Salahuddin mewakili Kerajaan Persekutuan dan anakandanya Pemangku Raja Selangor, Tengku Idris Shah mewakili Kerajaan Selangor.

Putrajaya diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan pada 1 Februari 2001 dalam suasana yang penuh gilang gemilang oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

(END)